




MAJLIS BANDARAYA  
SHAH ALAM



# FRAGMEN MBSA2017



# KANDUNGAN



## JANUARI

M/S **2** PERASMIAN KAUNTER PANDU LALU

## FEBRUARI

M/S **4** LAWATAN DELEGASI BANDAR RAYA HANAM, KOREA SELATAN

## MAC

M/S **8** PROGRAM 60+ EARTH HOUR PERINGKAT MBSA

## APRIL

M/S **14** ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MBSA  
M/S **18** MAJLIS PELANCARAN IMEJ BARU LORI KOMPAKTOR

## MEI

M/S **22** MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH  
M/S **24** GREEN INITIATIVE FOR TASKA (GIFT)  
M/S **28** MAJLIS PENGHARGAAN MEDIA MASSA  
M/S **32** PERASMIAN GIMNASIUM MBSA

## JUN

M/S **36** KEMPEN BALIK KAMPUNG BERAYA DENGAN SELAMAT

M/S **40** MAJLIS IFTAR JAMAIE

## JULAI

M/S **46** MAJLIS PELANCARAN PELAN TINDAKAN BANDAR RAYA RENDAH KARBON SHAH ALAM 2030

M/S **50** JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI MBSA

## OGOS

M/S **56** PERHIMPUNAN BERSAMA YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

M/S **60** KARNIVAL SIHAT RAKYAT (SEDA-10)

M/S **64** LAWATAN PELAJAR DARI TOKONAME, JEPUN

M/S **68** SEMINAR PENGURUSAN STRATA



## SEPTEMBER

M/S **72** KONVENTSYEN ANUGERAH HIJAU ZON BERSIH MINI (MINIZEESEE)

## OKTOBER

M/S **76** PERTANDINGAN MEMANCING DAN PASAR BUNGA SHAH ALAM

## NOVEMBER

M/S **80** HARI INTEGRITI MBSA

M/S **86** MAJLIS MINUM PETANG PENYAMPAIAN ANUGERAH RENDAH KARBON

M/S **92** MAJLIS PERASMIAN PERPUSTAKAAN BERGERAK MBSA

M/S **96** MISI SELANGOR PRIHATIN KE PULAU PINANG

## DISEMBER

M/S **100** ANUGERAH HIJAU ZON BERSIH MINI (MINIZEESEE)

M/S **106** SEMINAR PENGAUDITAN PIHAK BERKUSA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

m/s **110** BAS SMART SELANGOR (BAS ELEKTRIK)

m/s **114** PROGRAM BUAL

m/s **118** MBSA TERIMA ANUGERAH

m/s **122** SHAH ALAM HARI TANPA KENDERAAN

m/s **126** SHAH ALAM TREES FOR LIFE

m/s **132** KEMPEN KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH MBSA

m/s **136** PROGRAM PENYERAHAN TONG SAMPAH PADA MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP)

m/s **140** OPERASI TEMBAK GAGAK

m/s **142** OPERASI KENDERAAN BERAT

m/s **144** DATUK BANDAR TURUN PADANG

m/s **148** SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-17 SHAH ALAM SEBAGAI BANDAR RAYA

# PERASMIAN KAUNTER PANDU LALU



Penyediaan Kaunter Bayaran Pandu Lalu ini merupakan inisiatif pihak MBSA untuk memudahkan orang ramai membuat pembayaran tanpa perlu berurusan di kaunter utama, Wisma MBSA. Kaunter ini menyediakan perkhidmatan pembayaran sahaja seperti pembayaran cukai taksiran, pembayaran kompaun, pembayaran lesen, pembayaran bil pelbagai dan sebagainya.



# LAWATAN DELEGASI BANDAR RAYA HANAM, KOREA SELATAN




Lawatan Delegasi Bandar Raya Hanam, Korea Selatan diadakan untuk memperkasakan kerjasama dua hala antara Bandar Raya Shah Alam dan Bandar Raya Hanam. MBSA dan Bandar Raya Hanam telah mula menjalinkan kerjasama melalui perjanjian yang dimeterai pada tahun 2013.







# PROGRAM 60+ 'EARTH HOUR' PERINGKAT MBSA



Program 60+ 'Earth Hour' Peringkat MBSA dianjurkan sebagai simbolik sokongan terhadap usaha World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia untuk menyelamatkan bumi daripada pencemaran alam sekitar.









# ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MBSA



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dianjurkan setiap tahun bagi menghargai jasa dan komitmen kakitangan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun, di samping mengangkat peranan MBSA sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, khususnya warga Shah Alam.






# MAJLIS PELANCARAN IMEJ BARU LORI KOMPAKTOR




Program ini merupakan inisiatif pihak MBSA untuk menambahbaik perkhidmatan kutipan sampah sisa domestik di kawasan pentadbiran MBSA dan penjenamaan semula imej perkhidmatan kutipan sampah MBSA bagi memudahkan masyarakat mengenalpasti kontraktor yang berkhidmat di kawasan mereka.






# MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH

Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan salah satu inisiatif pihak MBSA untuk memupuk sikap berintegriti di kalangan warga kerja MBSA ke arah organisasi bebas rasuah.




# GREEN INITIATIVE FOR TASKA (GIFT)




Program GIFT adalah untuk mendidik generasi muda, guru-guru dan ibu bapa mengamalkan amalan inisiatif hijau di dalam kehidupan seharian. Bagi memastikan keberkesanan kempen ini, setiap Taska mengambil inisiatif untuk mewujudkan 'edible garden' di Taska masing-masing atau menggunakan konsep Kejiraninan Hijau yang bersesuaian dengan persekitaran.





# MAJLIS PENGHARGAAN MEDIA MASSA




Majlis Penghargaan Media Massa dianjurkan bagi meraikan dan menghargai sumbangan pihak media massa dalam membantu menyalurkan maklumat kepada orang ramai khususnya yang bermastautin di kawasan pentadbiran MBSA.







# PERASMIAN GIMNASIUM MBSA




Gimnasium MBSA yang telah dirasmikan pada 5 Mei 2017 ini menyediakan 19 unit alatan senaman untuk memudahkan kakitangan Majlis mengamalkan gaya hidup yang sihat.





# KEMPEN BALIK KAMPUNG BERAYA DENGAN SELAMAT



Kempen yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010 ini merupakan komitmen berterusan oleh pihak MBSA bagi menggalakkan orang ramai yang ingin pulang ke kampung sempena musim perayaan agar mementingkan keselamatan jalan raya terutamanya penunggang motosikal yang sering menjadi mangsa kemalangan jalan raya.





# MAJLIS IFTAR JAMAIE




Program untuk memperkasakan hubungan silaturrahim antara pihak MBSA dan para *stakeholders* seperti anak-anak yatim, media massa dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Shah Alam.








# MAJLIS PELANCARAN PELAN TINDAKAN BANDAR RAYA RENDAH KARBON SHAH ALAM 2030




Majlis Pelancaran Buku Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon Shah Alam 2030 merupakan kesungguhan dan komitmen pihak MBSA untuk menjadikan Shah Alam Bandar Raya Rendah Karbon menjelang tahun 2030. Pihak MBSA mensasarkan pengurangan karbon sebanyak 45% menjelang 2030.





# JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI MBSA




Konsep tradisional dan hijau (Go Green) menjadi pilihan dengan menerapkan unsur-unsur mesra alam dan menitik beratkan penggunaan bahan-bahan mesra alam serta amalan kitar semula. Konsep hijau ini merangkumi penyediaan juadah, hiasan gerai dan pengurusan sampah.









# PERHIMPUNAN BERSAMA YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR




YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor memberi dorongan dan motivasi kepada warga MBSA untuk meneruskan usaha-usaha bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat khususnya kepada warga Shah Alam.





# KARNIVAL SIHAT RAKYAT (SEDA-10)



Perkhidmatan Bas SEDA-10 I.C merupakan usaha pihak MBSA untuk menjalankan aktiviti promosi kesihatan di beberapa lokasi di sekitar Shah Alam untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan tanggungjawab penduduk terhadap kepentingan mengamalkan kebersihan dalam menangani masalah demam denggi.





# LAWATAN PELAJAR DARI TOKONAME, JEPUN



Kunjungan para pelajar dari Tokoname Nishi Elementary School Jepun yang melakukan lawatan sambil belajar selama 3 minggu di Shah Alam ini adalah sempena program pertukaran pelajar Malaysia – Jepun, TOKONAME City STUDENTS' INTERNATIONAL EXCHANGE Conference Association Program Year 2017.





# SEMINAR PENGURUSAN STRATA




Seminar ini bertujuan memberikan pendedahan secara menyeluruh kepada pihak Pengurusan Berstrata iaitu Badan Pengurusan Bersama atau 'Joint Management Body' (JMB) dan Perbadanan Pengurusan atau 'Management Corporation' (MC) terhadap tanggungjawab dan peranan di dalam isu seperti kawalan demam denggi dan pengurusan insurans bangunan berdasarkan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).





# KONVENSYEN ANUGERAH HIJAU ZON BERSIH MINI (MINIZEEBEE)



Penganjuran Konvensyen Anugerah Hijau Zon Bersih Mini (Minizeebee) merupakan satu landasan kepada komuniti untuk membentangkan hasil projek berlandaskan Garis Panduan Kejiranan Hijau yang telah dilaksanakan di setiap Zon Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) bagi memberikan pengiktirafan kepada komuniti.





# PERTANDINGAN MEMANCING DAN PASAR BUNGA SHAH ALAM




Pertandingan Memancing dan Pasar Bunga Shah Alam merupakan platform MBSA untuk menggalakkan aktiviti rekreasi di kalangan masyarakat khususnya warga Shah Alam dan juga komitmen berterusan pihak MBSA untuk mendidik komuniti untuk menghargai suasana hijau dan keindahan landskap.





# HARI INTEGRITI MBSA



Sambutan Hari Integriti merupakan inisiatif pihak Majlis bagi mengukuhkan komitmen dan integriti di kalangan warga kerja MBSA. Turut diadakan pada majlis ini adalah pelancaran tagline dan logo 'Integriti Di Hati'.







# MAJLIS MINUM PETANG PENYAMPAIAN ANUGERAH RENDAH KARBON




Majlis Minum Petang Penyampaian Anugerah Rendah Karbon merupakan inisiatif pihak MBSA untuk memberi penghargaan terhadap individu dan organisasi yang komited dalam melaksanakan inisiatif hijau ke arah pembangunan yang mampan dan rendah karbon di Shah Alam.







# MAJLIS PERASMIAN PERPUSTAKAAN BERGERAK MBSA



Program Perpustakaan Bergerak MBSA bertujuan untuk memperkenalkan dan seterusnya memberi pendedahan mengenai perkhidmatan MBSA kepada pelajar-pelajar dan guru-guru sekolah. Program ini juga merupakan inisiatif MBSA untuk memupuk dan menanam minat membaca di kalangan pelajar-pelajar sekolah.





# MISI SELANGOR PRIHATIN KE PULAU PINANG




Pihak MBSA telah menyertai Misi Selangor Prihatin bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Pulau Pinang.





# ANUGERAH HIJAU ZON BERSIH MINI (MINIZEEBEE)



Anugerah Hijau Zon Bersih Mini (Minizeebee) merupakan inisiatif pihak MBSA untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat khususnya warga bandar raya Shah Alam akan pentingnya konsep pembangunan mampan sekaligus dapat berkongsi pengalaman sesama masyarakat berhubung aktiviti yang dilaksanakan di MPP masing-masing.







# SEMINAR PENG AUDITAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR



Seminar ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan secara meluas mengenai konsep-konsep asas dan juga isu-isu terkini peng auditan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), meningkatkan kefahaman, mengetengahkan isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh PBT, serta memberikan ruang dan peluang kepada para pegawai-pegawai audit dan integriti untuk berkongsi maklumat idea dan pengalaman.






# BAS SMART SELANGOR (BAS ELEKTRIK)



Bas Smart Selangor (Bas Elektrik) menyediakan perkhidmatan bas percuma yang mesra alam, boleh memuatkan kapasiti penumpang seramai 67 orang, mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) serta pelbagai kemudahan lain seperti panel LED dan juga Wifi percuma.





# PROGRAM BUAL



Program BUAL merupakan komitmen berterusan pihak MBSA untuk menjadi medium komunikasi yang kreatif serta memberi mesej-mesej positif kepada generasi muda khususnya di Shah Alam.





# MBSA TERIMA ANUGERAH



Beberapa anugerah telah berjaya diterima oleh pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sepanjang tahun 2017 sekaligus membuktikan MBSA sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai khususnya kepada warga Shah Alam.






# SHAH ALAM HARI TANPA KENDERAAN



Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan merupakan inisiatif pihak MBSA ke arah melahirkan warga Shah Alam yang mengamalkan gaya hidup sihat, di samping mengurangkan penggunaan kenderaan di atas jalan raya yang menyebabkan pelepasan gas karbon monoksida yang boleh mencemar alam sekitar.







# SHAH ALAM TREES FOR LIFE



Program Shah Alam Trees For Life merupakan komitmen berterusan pihak MBSA untuk menghijaukan landskap bandar raya Shah Alam melalui aktiviti penanaman pokok. Selain itu, program ini juga untuk menerapkan budaya kerja secara sukarelawan kepada para peserta khususnya di kalangan golongan muda.







# KEMPEN KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH MBSA



Kempen Kitar Semula Peringkat Sekolah MBSA merupakan inisiatif berterusan pihak Majlis dalam menggalakkan masyarakat khususnya golongan pelajar bersama-sama mengamalkan amalan kitar semula dan menjaga alam sekitar demi manfaat generasi akan datang.





# PROGRAM PENYERAHAN TONG SAMPAH PADA MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP)



Program ini merupakan inisiatif berterusan pihak MBSA untuk memberikan pendedahan kepada warga Shah Alam agar menguruskan sisa domestik dengan teratur demi untuk menjadikan bandar raya Shah Alam bersih dan indah.






# OPERASI TEMBAK GAGAK




Operasi ini diadakan bagi mengurangkan populasi gagak yang boleh menyebabkan kacau ganggu awam di sekitar kawasan Shah Alam.



# OPERASI KENDERAAN BERAT



Operasi ini diadakan bertujuan untuk mengesan dan membanteras masalah kenderaan berat seperti lori dan bas yang diletakkan di kawasan awam.



# DATUK BANDAR TURUN PADANG



Lawatan Turun Padang oleh Datuk Bandar bertujuan untuk melihat sendiri keadaan semasa di kawasan yang mempunyai aduan dan perlu diambil tindakan segera.







# SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-17 SHAH ALAM SEBAGAI BANDAR RAYA



Pelbagai insentif disediakan oleh MBSA sepanjang Sambutan Ulang Tahun Ke-17 Shah Alam Sebagai Bandar Raya. Insentif ini merupakan tanda penghargaan dan terima kasih pihak MBSA kepada warga Shah Alam yang telah bersama-sama untuk menjadikan bandar raya Shah Alam sebuah bandar raya yang sejahtera, aman dan harmoni.









---

Diterbitkan oleh:  
**Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam**  
korporat@mbsa.gov.my

## **MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**

Tingkat G, Wisma MBSA,  
Persiaran Perbandaran, Peti Surat 7200.  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

---

Talian Am  
**03-5510 5133**

---

Faks  
**03-5510 8010**

---

Talian Aduan Bebas Tol  
**1800 88 4477**

---

Emel  
**korporat@mbsa.gov.my**

---

Facebook  
**www.facebook.com/shahalamcitycouncil**

---

Twitter  
**www.twitter.com/sacitycouncil**

---

Laman Web  
**www.mbsa.gov.my**